

## Tiga peniaga dikompaun RM30,500



**TAHA (dua kin) memeriksa premis yang menjual penutup hidung dan mulut di premis sekitar Kota Kinabalu.**

Juwan Riduan  
am@hmetro.com.my

TIGA peniaga dikompaun RM30,500 selepas didapati menjual penutup hidung dan mulut melebihi harga kawalan yang ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah.

Timbalan Pengarah KPDNHEP Sabah merangkap Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri Sabah, Taha Julai berkata, pemeriksaan meninjau penutup hidung dan mulut dilakukan di sekitar Kota Kinabalu.

"Tumpuan pemeriksaan ialah premis perniagaan seperti farmasi dan kedai runcit sekitar Kampung Air bagi memastikan tiada peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga penutup hidung dan mulut.

"Sejak 29 Januari sehingga 6 Februari lalu, sebanyak 332 kedai runcit dan kedai borong diperiksa. Dalam tempoh itu sebanyak dua tindakan diambil di Kota Kinabalu dan satu di Sandakan membabitkan nilai sitaan RM3,160.

"Ketiga-tiga kes itu dikenakan kompaun sebanyak RM30,500 kerana melanggar Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya dalam kenyataan hari ini.

Taha berkata, pihaknya akan terus melakukan pemantauan secara berterusan di seluruh Sabah dan meminta orang ramai menyalurkan maklumat sekiranya mendapati peniaga menaikkan harga penutup hidung dan mulut.

Artikel ini disiarkan pada : **Jumaat, 7 Februari 2020 @ 5:49 PM**